



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 8 JULAI 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	5 WARGA MYANMAR DITAHAN KENDALI BOT TEMPATAN, LOKAL, HM -20	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	SAY NO TO THE MIDDLE AGENT, CHINA PRESS -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3.	GRASS BUSINESS GROWS AS LIVESTOCK FEED PRICES SPIKE, NATION, THE STAR - 13	LAIN-LAIN
4.	PERAK SETTING UP LAND BANK FOR AGRICULTURE, NEWS, THE SUN -4	
5.	PENTERNAK DAPAT REZEKI BERGANDA JUAL 400 EKOR LEMBU, DALAM NEGERI, UM -30	
6.	KOS MAKANAN MAHAL PUNCA HARGA LEMBU NAIK, NASIONAL, BH -20	
7.	PERAK CADANG WUJUD BANK TANAH TERBIAR, NASIONAL, BH -25	
8.	TAK TERGAMAK JUAL LEMBU KURUS, LOKAL, HM -8	
9.	RUMPUT LARIS GANTI DEDAK, LOKAL, HM -8	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



APMM menahan bot nelayan tempatan yang dikendalikan kru warga Myanmar.

5 warga Myanmar ditahan kendali bot tempatan



KRU bot tiada permit kerja selain dokumen pengenalan diri.

Kuantan: Lima warga Myanmar ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Pahang ketika mengendalikan bot nelayan tempatan pada kedudukan kira-kira 20 batu nautika dari muara Kuala Pahang, Pekan, Ahad lalu.

Pengarahnya, Laksamana Pertama Maritim Kamal Ariffin Jusoh berkata, pemeriksaan mendapati kru bot terbabit tiada permit kerja selain dokumen pengenalan diri mereka mencurigakan.

"Kami turut merampas 950 kilogram hasil laut serta peralatan menangkap ikan.

"Kru serta barangan ram-

pasan kemudiannya dibawa ke Jeti Penerpa dan kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigrasi 1959/63," katanya pada kenyataan, semalam.

Kamal Ariffin meminta komuniti maritim terutamanya nelayan tempatan, supaya mematuhi undang-undang dan syarat lesen selain mengutamakan keselamatan apabila berada di laut.

Maklumat berkaitan kegiatan jenayah atau kecekaman di laut boleh disalurkan dengan menghubungi Pusat Operasi Maritim Negeri Pahang di talian 09-5717345 atau MERS 999.



08 JUL, 2022

Say no to the middle agent

China Press, Malaysia



科學伊甸園
●宋明家

“向中間人宣戰”的荒謬

首相“向中間人宣戰”的建議，被在野黨罵為“愚蠢”；業者則小怕事，只敢寫“荒謬”。

2013年，當時還是農業和農藝部長的伊斯邁首領“消除中間人”宣戰（ jihad ），讓業者把產品直接運抵零售市場（FOMV），以擺脫產品生產和消費者之間的運輸、銷售等中間環節，從而提高農民和漁夫20-30%的收入。

“宣戰”成效如何？很明顯的，這是自己進自己退，憑著鄉間父老的政治說辭，2年後的今天，同一個人還是擁有一樣的說法，結果也將是一樣的：老別只是這次“宣戰”管道，從B2C換成C2C合作者組織

（Co-opera），雖然當說現實世界裡，中間人已成了世界經濟主手，使價格比農場更昂貴，甚至恐嚇人們購買多一點、貴一點的物品，但毋庸置疑的是，把中間人的話，各種物品才能暢銷全世界，消費者才能有更多選擇、更多方便、更高品質的生活。

看準新科技契機

回顧歷史，每個時代的新科技的出現，都威脅著這些“中間人”行業的存活。

1890年代的蒸汽機動力輪船，1930年代的有軌蒸汽火車，1950年代的汽油發動汽車，還有飛機、無人機等新運輸工具的變

明，都改變了人們的購物和生活方式。

1970年代互聯網的誕生，同樣威脅中間人的存在。現在的“后互聯網”時代，人們透過球季芬蘭到七、八間商店實體比較物品素質、價格、款式等，而是用一根手指上網查詢就行了。

1990年代在英國初見雛形的即時通訊科技，演化為當前諸如Facebook、Instagram、Twitter等融合通信和媒體的社交平台，失去機商人們接觸各類商品的機會的同時，也具備和其他消費者交換意見、和商家互動等功能。

因為這些和輪船時代的新科技，我們看到更多“由不轉隨性、籍不轉人授”的她信途徑：更多人看準新科技帶來的契機，

以另一種形式成為“無所不在”的中間人。

舉個例子：網紅有機農場制作視頻，介紹有機蔬菜種種好處，為促進生意源，農場主人也乐意付“廣告費”給網紅；但顧客買後也鮮少開車到農場取貨，而是靠中間運輸公司轉送的服務，最終物價可能比商場的便宜，但還是逃不了中間人的種種服務。這些服務，只是取代了收買商、批發商等傳統意義上的“中間人”。

擴大範圍的話，我們日常用的 Lazada、淘宝、Shopee、Grab、Alibab等平台，女團健身、靚型經紀、房地產、汽車仲介人等等，都屬於中間人行業。

美國Stratton University 經濟教授 Daniel Spitzer 曾做過數據比較，演算出1999年各業中間人行業貢獻了美國約33%的GDP，來到2019年（互聯網技術變發成熟的世代），這百分比已提高至35%。

扮演監督角色

簡言之，無論以什麼形式存在，“中間人”行業不但不会被新科技消滅，反而會越來越強旺。

就像螞蟥“亦強”一樣，“中間人”是打不死、消不滅、戰不倒的。

要短期解決某些中間人者倒消費者，導致物價高漲的問題，首相的政府團隊，可以好好扮演監督角色（前提是去除貪污和賄賂文化），增加市場銷售透明度、制定良好政策，以及善用區塊鏈等技术让“农场和餐桌”的距离变得更短。

而不是荒謬的“向中間人宣戰”（因为中間人永遠不会被消灭），设立什么抗通胀宣战特工队（贸易及消费人事务都是拿未做什么的？），劝告人民少吃鸡蛋、那白米/小麦涨价就少吃饭/面包呢？鸡蛋涨价就少吃蛋？！……

而长期的抗通胀方案，除了增加农业科技的研究力度，多样化农场产品的来源、大力推行城市农租，肯定会比“向中間人宣战”，更有成效和意义。

（前提）



08 JUL, 2022

Say no to the middle agent

China Press, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

FN ^ “向中間人宣戰” 相“向中间人宣战”的建目议’被在野议员骂为“愚蠢”；笔者胆小怕事，只敢骂“荒谬”。2015年，当时还是农业和农基部长的伊斯迈首创“消除中间人”宣战（Jihad），让业者把产品卖给联邦农业销售局(FAMA)，以摆脱产品生产和消费者之间的运输、销售等中间供应链，从而提高农民和漁夫10% 20%的收入。“宣战”成效如何？很明显的，这是自己讲自己爽、愚

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/7/2022	THE STAR	NATION	13

Grass business grows as livestock feed prices spike

TANAH MERAH: Construction worker Mohamad Zulhimi Zakaria never expected his part-time grass-selling business, which he started about a year ago, to receive such a good response with sales almost doubling as Hari Raya Aidiladha approaches.

The 30-year-old attributed the high demand for the grass, especially from livestock breeders, to the increase in the price of animal feed.

"I started grass farming on a one-acre (0.4ha) piece of land which I own near Kampung Chawas here, after obtaining grass seeds from a friend.

"The grass grows well and when it has grown to about 40cm to 50cm high, I'll cut and sell it for RM7 a sack," he said at his house near Kampung Manal yesterday.

Mohamad Zulhimi said the grass would grow to such a height after one to two months.

"Normally, I'm able to cut to up to seven sacks of grass a day," he said.

His customers, he said, were livestock farmers in the village and surrounding areas.

"I did not expect the income from selling grass that I have been getting lately to double to almost RM1,200 compared to only RM500 to RM600 before," he said, adding that he also made use of social media platforms like Facebook to promote his business.

Cattle farmer Suhairi Abdullah, 40, said he had to feed his livestock with grass as he could not afford animal feed.

"This grass is the choice for livestock farmers like me to feed our cattle because we need to make sure the animals are well-fed and healthy before they can be slaughtered for Aidiladha," he added.

Perak setting up land bank for agriculture

KUALA KANGSAR: The Perak government is in the process of setting up a land bank for agriculture to enable development of idle land to ensure food security in the state.

State Plantations, Agriculture and Food Industries Committee chairman Razman Zakaria said a proposal on this was decided at a Food Security Committee meeting chaired by Menteri Besar Datuk Seri Saarani Mohammad recently, which was attended by agencies under the Agriculture and Food Industries Ministry.

"This move is to help the food industry in the state and develop idle land towards

increasing yields, including padi for self-sufficiency," he told a press conference after officiating at the Kuala Kangsar district-level Farm Day event yesterday.

On June 28, Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob announced the establishment of food security committees at state and district levels to ensure effective implementation of the National Food Security Policy Action Plan 2021-2025.

Razman said once the land bank was in place, it would make it easier for entrepreneurs to apply for land for development as well as help increase food

production.

"We received many applications from entrepreneurs who are looking for land to develop the agricultural sector and we have a lot of such land, like under electrical grids that can be used.

"If there are entrepreneurs who want to plant corn, we can show them vacant land under the ownership of the Agriculture Department, State Agricultural Development Corp, Perak State Development Corp and privately-owned land at locations such as in the Hulu Perak and Larut Matang Selama districts," he added. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/7/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30

Penternak dapat rezeki berganda jual 400 ekor lembu



SAAD Muda menunjukkan sebahagian lembu yang ditawarkan oleh pelanggannya untuk ibadat korban di Kampung Bukit Tadok, Kuala Telemong, Terengganu. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI

HULU TERENGGANU: Seorang penternak, Saad Muda, 53, dari Kampung Bukit Tadok, Kuala Telemong di sini, mendapat rezeki berganda apabila menerima tempahan sebanyak 400 ekor lembu untuk ibadat korban sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini.

Katanya, jumlah tempahan lembu yang diterima tahun ini paling banyak sejak menjadi penternak lembu kira-kira 30 tahun lalu.

Menurutnya, kebiasaannya dia menerima tempahan kira-kira 100 ekor lembu sahaja untuk ibadat korban sebelum ini.

“Malah Hari Raya Aidiladha

pada 2020 dan 2021, saya hanya menerima tempahan sebanyak 60 ekor lembu,” katanya ketika ditemui di Kampung Bukit Kadok, Kuala Telemong di sini, semalam.

Saad memberitahu, kebanyakan pelanggan yang membuat tempahan lembu itu daripada golongan perantau yang pulang menyambut Hari Raya Aidiladha di sekitar negeri ini.

Katanya, dia menjual lembu yang dibawa dari Kelantan itu pada harga RM4,500 hingga RM7,000 seekor.

“Harga lembu yang dijual itu pula mengikut saiz dan usia,” ujarnya.

Kos makanan mahal punca harga lembu naik

Kuala Terengganu: "Bukan mengambil kesempatan tetapi kami terpaksa menjual lembu korban dengan harga lebih tinggi berbanding tahun lalu," kata Wan Abdullah Mansor.

Wan Abdullah, 55, dari Kampung Kubang Buyong antara penternak lembu baka Kedah Kelantan (KK) di negeri ini yang terpaksa menjual lembu mengikut harga pasaran semasa antara RM4,500 hingga RM5,800 ekor.

Katanya, penternak lembu KK terpaksa menjual lebih mahal daripada harga tahun lalu berikutan peningkatan kos makan ternakan.

"Jika tahun-lalu lembu KK dijual pada harga RM4,000 ekor, kini lembu bersaiz sama dijual pada harga RM5,000.

"Kenaikan RM1,000 berbanding

ding tahun lalu seiring dengan kenaikan harga daging mentah di pasaran iaitu RM34 kepada RM38 sekilogram.

"Ramai yang mungkin beranggapan kami sengaja menaikkan harga lembu korban sedangkan kami juga tersepit dengan kos makanan yang semakin meningkat," katanya ketika ditemui di kandang lembunya, semalam.

Wan Abdullah berkata, dia menternak lembu dan menjalankan rban sejak lebih 30 tahun lalu dan pertama kali menghadapi krisis lembu mahal akibat kenaikan harga makanan ternakan.

"Paling murah lembu KK yang boleh dijual ialah pada harga RM2,500 hingga RM3,000 seekor tetapi lembu kecil dan kurus akan tidak wajar dijadikan bai-

wan korban.

"Segelintir penternak tidak menghiraukan keadaan lembu yang kurus dan kecil kerana terlalu pentingkan keuntungan namun saya tidak sanggup berbuat demikian.

"Saya lebih rela tidak menjual lembu korban daripada menjual lembu bersaiz kecil dan kurus dengan harga murah," katanya.

Rakannya, Muhammad Naim Ramli, 38, dari Kampung Losong berkata, harga lembu yang meningkat menyebabkan bayaran sebahagian lembu yang dikorbankan juga meningkat.

"Jika tahun lalu harga sebahagian lembu yang dikorbankan RM500 hingga RM650 tetapi sekarang RM650 hingga RM800 bergantiung saiz lembu.

"Bagi lembu sado atau lembu baka, satu bahagian dijual pada

harga RM2,000 hingga RM3,500," katanya.

Katanya, pemilihan lembu bergantung kepada kemampuan pembeli dan kebiasaannya lembu KK yang menjadi pilihan untuk dikorbankan pada hari raya Aidiladha.

Sementara itu tinjauan di Pasar Awam Larkin, Johor Bahru mendapati orang ramai kini mudah mendapatkan bekalan ayam muda bulat dan bekalannya dijangka mencukupi menjelang sambutan Aidiladha.

Ayam yang dijual bersaiz standard iaitu sekitar sekilogram (kg) hingga dua kg dan dijual mengikut harga siling RM9.40 bagi setiap kg.

Peniaga ayam, Azman Marjusan, 57, berkata tiada lambakan ayam di pasar itu, malah jualan berjalan lancar.

"Kalau dua hari lepas memang ayam yang datang dari ladang besar mencecah hingga 3kg. Pelanggan pun terkejut kerana seekor ayam kalau 3kg harga sekitar RM28.

"Tetapi hari ini, 300 ayam yang saya tempah bersaiz standard sekitar sekilogram hingga 2kg seekor," katanya.

Seorang lagi peniaga ayam, Ruzza Mohd Noh, 35, berkata tempahan ayam kini mudah diperoleh, malah jika peniaga menempah 2,000 ekor sehari sekalipun, mereka akan dapat jumlah yang sama.

"Untuk bekalan Aidiladha, biasanya saya akan mengandaikan tempahan. Hari biasa 300 ekor dan untuk musim perayaan bermula esok (hari ini) saya akan ambil 600 hingga 1,000 ekor," katanya.

Perak cadang wujud bank tanah terbiar

Mudahkan kawasan dimajukan untuk aktiviti pertanian

Oleh Muhammad Zulsyamini Suflan Suri
bhnews@bh.com.my

Kuala Kangsar: Kerajaan Perak bercadang mewujudkan bank tanah atau 'land bank' sebagai inisiatif memudahkan tanah terbiar khususnya hak milik agensi di negeri itu dikenal pasti untuk perusahaan pertanian bagi menjamin

sekuriti makanan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perladangan dan Industri Makanan negeri, Razman Zakaria berkata, inisiatif itu bagi memudahkan prosedur mengusahakan tanah terbiar dengan aktiviti pertanian dengan mengenal pasti lokasi serta tanah untuk membolehkan rundingan dua hala antara pengusaha dan pemilik tanah.

"Banyak pengusaha datang ke Perak untuk mencari tanah bagi melaksanakan perusahaan aktiviti pertanian tetapi kita tidak dapat nak tunjuk di mana keberadaan lokasi tanah terbiar itu serta agensi yang memilikinya.

"Contohnya jika kita uar-uar-kan bahawa tanah di bawah pencawang elektrik di negeri ini

ada banyak maka di mana tanah berkenaan dan siapakah agensi bertanggungjawab, dengan siapa pengusaha hendak minta (kebenaran mengusahakan tanah), dan bagaimanakah prosesnya,041 katanya ketika program Hari Ladang Pejabat Pertanian Daerah Kuala Kangsar 2022 di sini, semalam.

Razman berkata, tanah berstatus wakaf dimiliki badan autoriti agama Islam negeri juga berada dalam 'radar' pemerhatian bagi pelaksanaan inisiatif bank tanah berkenaan biarpun sehingga kini tiada perbincangan khusus dibuat antara kerajaan negeri dan badan terbabit mengenai pembangunan konsep wakaf untuk aktiviti pertanian.



Razman (tiga dari kiri) ketika program Hari Ladang Pejabat Pertanian Daerah Kuala Kangsar 2022. (Foto Muhammad Zulsyamini/BH)

Tak tergamak jual lembu kurus

Harga lembu baka KK untuk korban Aidiladha melonjak RM5,800 susulan kenaikan kos makanan

Oleh Ahmad Rahul
Zulkifli
am@hmetro.com.my

Kuala Terengganu

Penternak lembu baka Kedah Kelantan (KK) di sini, menjualnya pada harga lebih tinggi iaitu RM4,500 hingga RM5,800 seekor berbanding tahun lalu berikutan kos makanan lembu meningkat akhir-akhir ini.

"Tahun lalu, lembu KK dijual pada harga RM4,000 seekor. Kini, lembu bersaiz sama dijual pada harga RM5,000 seekor.

"Ia seiring kenaikan harga daging mentah di pasaran iaitu RM34 kepada RM38 sekilogram.

"Ramai mungkin beranggapan penternak sengaja menaikkan harga lembu korban sedangkan penternak juga tersepit dengan kos makanan yang meningkat," kata Wan Abdullah Mansor ketika ditemui di kandang lembunya semalam.

Wan Abdullah, 55, dari Kampung Kubang Buyong antara penternak lembu KK di negeri ini yang menjual lembu berkenaan mengikut harga pasaran semasa.

Kata Wan Abdullah, dia memelihara lembu dan menjalankan perniagaan lembu korban sejak lebih 30 tahun lalu dan ini kali pertama dia menjualnya pada harga ting-



WAN Abdullah menunjukkan lembu yang bakal dikorbankan pada Aidiladha.

gi akibat kenaikan harga makanan ternakan di pasaran.

"Paling murah, lembu KK dijual pada harga RM2,500 hingga RM3,000 seekor, tetapi saiznya kecil serta kurus malah seakan tidak wajar dijadikan haiwan korban.

"Ada penternak tidak hairan keadaan lembu yang kurus dan kecil kerana harganya peningkatan keuntu-

ngan, namun saya tidak sanggup berbuat demikian. "Saya lebih rela tidak menjual lembu korban daripada menjual lembu bersaiz kecil dan kurus pada harga murah," katanya.

Tambahnya, lembu kurus biasanya diberi makan terlebih dahulu supaya gemuk sebelum dijual sebagai ternakan korban.

"Saya akui harga lembu korban memang mahal berbanding harga tahun lalu dan ia terpujang kepada pembeli.

"Harga memang tidak boleh diturunkan kerana ia berada pada paras rendah mengikut pasaran semasa," katanya.

Rakannya, Muhammad Naim Ramli, 38, dari Kam-

pung Losong berkata, harga lembu yang meningkat menyebabkan bayaran untuk babagian lembu yang dikorbankan juga meningkat.

"Jika tahun lalu, harga babagian lembu dikorbankan ialah RM500 hingga RM650 tetapi sekarang, harganya RM650 hingga RM800 sebahagian, bergantung kepada saiz lembu.

"Bagi lembu sado atau lembu baka, satu bahagian dijual pada harga RM2,000 hingga RM3,500, bergantung saiz lembu itu," katanya.

Katanya, pemilihan lembu bergantung kepada kemampuan pembeli dan kebiasaannya, lembu KK yang menjadi pilihan untuk dikorbankan pada Aidiladha.

Rumput laris ganti dedak

Tanah Merah: Seorang bu-
ruh binaan, Mohamad Zul-
himi Zakaria, 30, tidak pernah menyangka perniagaan menjual rumput secara sampingan yang diusahakannya sejak tahun lepas meningkat dua kali ganda menjelang sambutan Aidiladha.

Katanya permintaan jualan rumput itu semakin bertambah apabila harga dedak haiwan ternakan seperti lembu dan kambing meningkat menyebabkan ramai penternak beralih memberi makanan lain seperti rumput kerana harganya jauh lebih murah.

"Saya mengusahakan perniagaan rumput ini di tanah seluas 0.4 hektar dekat Kampung Chawas, di sini, selepas mem-
peroleh

benih daripada rakan.

"Apabila rumput ini mula subur dan tingginya lebih kurang 38 hingga 50 sentimeter, saya mencerut dan menjualnya dengan harga RM7 seguni," katanya ketika ditemui di rumahnya dekat Kampung Manal di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Mohamad Zulhimi berkata, rumput itu boleh dituai selepas mencapai usia satu hingga dua bulan dan dalam tempoh satu hari beliau dapat mencerut hampir tujuh guni rumput untuk dijual kepada penternak di sekitar kawasan terbabit.

"Saya tidak sangka hasil jualan rumput menjelang Aidiladha meningkat dua kali ganda sehingga mencecah

hampir RM1,200 sebulan berbanding sebelum ini sekitar RM500 hingga RM600 sahaja.

"Alhamdulillah ia mendapat sambutan kerana saya turut menggunakan media sosial seperti Facebook untuk memasarkan jualan dan saya lihat tanaman rumput sangat berpotensi dijadikan sumber makanan haiwan ternakan memandangkan situasi ekonomi tidak menentu," katanya.

Sementara itu, penternak lembu Suhairi Abdullah, 40, berkata beliau memberi makanan rumput kepada ternakannya kerana tidak mampu membeli dedak.

"Makanan ini (rumput) menjadi pilihan penternak sebab saya perlu pastikan haiwan ternakan sentiasa diberi makanan cukup dan sihat sebelum disembelih pada Aidiladha nanti," katanya.

Beri makan sebelum korban



PEKERJA ladang ternakan kambing dan lembu Shaifq Muzaqir Shahrol Hir, 25, memberi makan kepada kambing korban sebelum diserahkan kepada pelanggan menjelang Hari Raya Aidiladha ketika tinjauan di Kampung Lombong, Seksyen 29, Shah Alam, semalam. Urmat Islam menyambut Aidiladha pada 10 Julai ini.

Rumput siap
dicerut dijual
RM7 seguni